

CBR-UMS laksana pemberian rehabilitasi asas pertama di Sabah

UB 20.07.2023 P.08

BEAUFORT: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Hospital UMS (HUMS) dan Koperasi Ukhuhah Kota Klias Berhad menganjurkan Seminar Kesedaran Rehabilitasi.

Turut diadakan Pelancaran ‘Rehab Living Lab’ bagi memperkasa komuniti sebagai pemberi perkhidmatan rehabilitasi asas kepada penduduk setempat melalui program Pemulihan Berasaskan Komuniti (CBR).

Pembantu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Isnin Aliasnih berkata, para pegawai kerajaan tempatan dan pemimpin komuniti disarankan memberi sokongan penuh terhadap usaha murni yang dijalankan secara kolaborasi padu antara UMS dengan komuniti Beaufort.

“Saya ingin menyeru terutamanya kepada warga belia agar menyahut program ini untuk menerima latihan sebagai pemberi CBR.

“Sesungguhnya kerjasama dalam program-program sebegini ini amat penting sama ada di pihak industri, universiti dan komuniti terutamanya bagi menyokong dari segi sumbangan kewangan dan kepakaran,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klias berkata demikian ketika berucap merasmikan program berkenaan di



KENANGAN: Isnin (tiga kiri) dan Rosalam (empat kanan) bergambar kenangan bersama penduduk yang hadir pada program itu.

Kampung Pilajau di sini kelmarin.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof. Dr. Rosalam Sarbatly yang mewakili Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor.

Sementara itu Rosalam berkata, projek yang dinamakan CBR-UMS itu dapat memenuhi keperluan warga komuniti luar bandar yang sememangnya sukar untuk mendapatkan rawatan rehabilitasi di atas pelbagai faktor.

“Kebanyakan pesakit yang memerlukan rawatan rehabilitasi adalah mereka yang mempunyai keupayaan berlainan.

“Ada antaranya yang mempunyai masalah pengangkutan, mengalami kesukaran akses ke fasiliti kesihatan serta ketiadaan ahli keluarga atau penjaga bagi membawa pesakit ke hospital daerah.

“Justeru, inisiatif yang pertama kali seumpamanya dilaksanakan di Sabah ini diharap dapat membantu masyarakat yang terkesan sekali gus mencapai objektif penubuhan CBR-UMS yang bertemakan ‘Memperkasa Komuniti’,” katanya.

Pusat ‘Rehab Living Lab’ UMS di Kampung Pilajau itu juga akan berperanan memberi latihan kepada belia yang terpilih untuk menjadi pemberi CBR sejakar dengan

aspirasi UMS sebagai peneraju masyarakat berinovatif.

Ia diketuai pakar perubatan rehabilitasi dari FPSK UMS Prof. Madya Dr. Fatimah Ahmedy bersama-sama para penyelidik Sabah ‘Rehabilitation Research and Service Group’ UMS serta beberapa pegawai rehabilitasi HUMS.

Sementara itu, Seminar Kesedaran Rehabilitasi yang diadakan juga mendapat sambutan memberangsangkan daripada penduduk setempat.

Turut diadakan saringan kesihatan secara percuma daripada pasukan HUMS2U bersama Klinik Bergerak Hospital Pengajar UMS.